

23/03/1999

Rakyat tentukan sistem giliran KM Sabah

ALOR STAR, Isnin - Cadangan sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah perlu dikaji semula akan diserahkan kepada rakyat negeri itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurut Perdana Menteri, kerajaan akan mengikut pendapat majoriti rakyat Sabah sama ada mereka mahu supaya sistem penggiliran itu kekal atau dihapuskan.

"Ia terpulang kepada rakyat Sabah. Mereka boleh menyatakan mereka tidak suka cara giliran itu. Kalau pendapat rakyat Sabah majoriti, saya ikut saja," katanya di sini hari ini.

Beliau ditanya sama ada sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri antara Bumiputera Islam, Bumiputera bukan Islam dan Cina itu perlu dikaji semula berikutan kemenangan besar calon Umno pada pilihan raya negeri, baru-baru ini.

Berikutan kemenangan semua 24 calon Umno, ramai yang berpendapat sistem penggiliran itu patut dikaji semula dengan Ketua Menteri sepatutnya diserahkan kepada pemimpin parti itu.

Selain itu, ada yang berpendapat adalah tidak sesuai jika pemimpin Parti Demokratik Sabah (PDS) yang tewas teruk pada pilihan raya itu dilantik sebagai Ketua Menteri bagi mewakili kaum Bumiputera bukan Islam.

Isnin lalu, Ketua Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam yang menang di Kawang, dilantik sebagai Ketua Menteri walaupun tempoh Presiden PDS, Tan Sri Benard Dompok yang mewakili Bumiputera bukan Islam masih ada 14 bulan.

Mengenai pandangan sesetengah pihak kononnya calon yang kalah tidak seharusnya dilantik sebagai Ketua Menteri, Dr Mahathir berkata:

"Dia kalah bukan kerana dia. Dia masih layak dan dia boleh jadi (Ketua Menteri). Tetapi kalau PDS nak cari yang lain kita tak ada masalah, dia ada dua lagi yang menang."

(END)